

07 SEP 1998

MUSTAPA CALON YANG SESUAI SEBAGAI MENTERI KEWANGAN, KATA LING

BUTTERWORTH, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Mustapa Mohamed adalah calon yang sesuai sebagai Menteri Kewangan Kedua, kata Presiden MCA Datuk Ling Liong Sik malam ini.

Menteri Pengangkutan itu berkata beliau (Mustapa) adalah calon yang berkeelayakan untuk memegang jawatan itu.

Mustapa adalah seorang yang terlatih dalam bidang ekonomi dan beliau pernah bekerja dengan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin semasa beliau memegang jawatan Menteri Kewangan, Ling berkata demikian apabila ditanya berkaitan pelantikan Mustapa sebagai Menteri Kewangan Kedua, hari ini.

Ling berkata beliau (Mustapa) mempunyai tanggungjawab yang berat dan beliau percaya Mustapa akan memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdahulu, Ling merasmikan 11 cawangan baru wanita MCA di Pulau Pinang dengan keanggotaan sebanyak 1350 orang setakat ini.

Dalam ucapannya, Ling berkata MCA pada masa ini mempunyai 700,000 anggota, yang mana 250,000 orang adalah wanita.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek dan ketua Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan.

-- BERNAMA

AHM RI